

Khidmat masyarakat 'Kembara Merdeka 2.0' FPEP UMS di Kampung Sayap

NST 9-9-2019 4

KOTA BELUD: Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengadakan Program Khidmat Masyarakat Kembara Merdeka 2.0 di Kampung Sayap, Kota Belud baru-baru ini.

Menurut Pensyarah Kanan FPEP, Dr. Saizal Pinjaman, pemilihan kampung yang terletak di kaki Gunung Kinabalu dengan penduduk sekitar 1600 orang ini adalah tepat kerana penduduk kampung yang rata-ratanya mengusahakan penanaman buah-buahan seperti durian, nanas dan tarap, sangat mengalu-alukan kedatangan para peserta dan memberikan kerjasama dalam menyayakan program.

"Di samping mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan warga FPEP dan kampung, program yang berlangsung selama dua hari ini juga dapat memupuk semangat perpaduan serta cintakan negara sempena hari merdeka," katanya.

Menurut beliau lagi, pada hari pertama program, Kursus Latihan Pengendali Makanan telah diadakan dengan kerjasama pensyarah Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan, Dr Mansoor Abdul Hamid, dengan penduduk kampung dilatih untuk menyiapkan masakan menggunakan bahan-bahan yang ditanam di sekitar kampung.

"Selain dari pengetahuan yang boleh digunakan untuk mengkomersialkan makanan untuk menambah pendapatan penduduk, sijil penyertaan yang turut diberikan kepada 15 orang peserta juga boleh digunakan untuk membantu

penduduk dalam mencari pekerjaan berkaitan penyediaan makanan kelak.

"Waktu malam pula diisi dengan aktiviti BBQ dengan menjemput sebilangan warga kampung untuk bertukar-tukar cerita dan pandangan mengenai rencah kehidupan masyarakat sempena mengisi malam kemerdekaan," kata Dr. Saizal.

Pada hari kedua program pula, katanya dua aktiviti diadakan serentak dengan pertandingan mewarna Jalur Gemilang bersama kanak-kanak sekolah SK Sayap diadakan bagi menggilap perasaan Sayangi Malaysiaku dalam kalangan generasi muda, manakala aktiviti membaiki jambatan gantung pula dilakukan bersama warga belia kampung.

"Kedua-dua aktiviti ini mempunyai simbolik tersendiri dengan aktiviti mewarna Jalur Gemilang menunjukkan kepentingan untuk menerapkan sifat patriotisme dalam kalangan anak muda yang bakal memimpin negara pada masa hadapan.


"Bagi membaiki jambatan gantung pula, selain dari mem-



CERIA ... Wajah gembira para pelajar SK Sayap ketika menunjukkan hasil mereka dalam pertandingan mewarna Jalur Gemilang.

bantu penduduk dan pelancong untuk bergerak di sekitar kampung, ini juga menjadi simbol pengukuhan 'jambatan' keakraban di antara warga FPEP dan masyarakat di sana," katanya.

Ujar beliau, program tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang dilakukan di kampung tersebut dijangka akan diteruskan pada masa akan datang setelah mendapat respon positif penduduk kampung yang menyatakan beberapa siri CSR oleh FPEP di Kampung Sayap, Kota Belud sebelum ini telah banyak membantu mereka dalam mengembangkan produk pelancongan.



PERBAIKI ... Belia dan warga FPEP berganding bahu dalam membaiki jambatan gantung untuk kemudahan penduduk dan para pelancong.